

MAJLIS TAUTAN KASIH PUSPANITA JKSM TAHUN 2016

PUSPANITA Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah mengadakan Majlis Tautan Kasih PUSPANITA JKSM pada 28 April 2016, Khamis bertempat di Dewan Gemilang, Lobi Blok D1 Kementerian Dalam Negeri, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya. Majlis tersebut yang bermula pada jam 2.30 petang telah dirasmikan oleh YBhg. Puan Sri Halimah binti Abd. Majid selaku Pengerusi PUSPANITA JKSM. Majlis tersebut telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada ahli PUSPANITA JKSM dengan kehadiran 80 orang ahli. Pelbagai aktiviti telah diadakan pada majlis tersebut seperti sambutan hari jadi yang melibatkan pertukaran hadiah di kalangan ahli yang hadir bertemakan “peralatan dapur”. Selain itu, pada majlis tersebut juga diadakan majlis persaraan dan majlis perpisahan ahli yang telah berpindah dari JKSM. Majlis tersebut turut diserikan lagi dengan persembahan istimewa oleh ahli-ahli PUSPANITA JKSM seperti boria, dikir barat dan nyanyian. Majlis tersebut berakhir sekitar jam 5.00 petang dengan acara memotong kek beramai-ramai dan jamuan makan.











